

## **Persidangan Agusta kongsi amalan terbaik dalam industri penerbangan**

**KUALA LUMPUR:** Operator helikopter Agusta Westland (model AS139) bertemu selama dua hari mulai semalam pada satu persidangan mengenai data penerbangan helikopter, bagi meningkatkan kualiti kelayakan penerbangan melalui perkongsian amalan terbaik industri.

Penganjurnya, Weststar Aviation Services Sdn Bhd (WASSB), berkata persidangan yang julung kali dianjurkan dan mengetengahkan penceramah antarabangsa dan tempatan itu, menawarkan sesi pembelajaran yang sangat

berharga.

"Ia bertujuan untuk menggalakkan perbincangan teknikal secara meluas dalam kalangan pihak berkepentingan dalam industri, terutama mengenai Sistem Pemantauan Tahap Penggunaan dan Data Pemantauan Penerbangan Helikopter AW139," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif WASSB, Jen (B) Tan Sri Muhammad Ismail Jamaluddin berkata syarikat itu memberi perhatian terhadap permintaan semasa industri dalam perkhidmatan penerbangan. — Bernama